

Penguasaan Bacaan Al-Quran Menerusi Tahsin Al-Quran

(Mastery of Al-Quran Recitation Through Tahsin Al-Quran)

NORITA ABD AZIZ¹, MOHAMAD BAZLI MD RADZI²

NATRAH MAT NOOR³, YING-LEH LING⁴

¹⁻³Jabatan Pengajian Am, Politeknik Kuching Sarawak

⁴Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, Politeknik Kuching Sarawak

Abstrak

Al-Quran merupakan sumber pegangan umat Islam. Beriman dengan al-quran merupakan sebahagian daripada rukun iman. Pemahaman yang betul terhadap intipati al-quran merupakan perkara yang penting yang perlu dititikberatkan. Oleh yang demikian, pelaksanaan Kajian ini bertujuan untuk melihat penguasaan bacaan al-Quran pelajar di politeknik. Sampel kakian terdiri daripada 13 orang pelajar Semester 2 yang mengambil kursus Sains teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam (MPU23052) di Politeknik Kuching Sarawak. Kajian tindakan ini melibatkan kaedah pemerhatian dan menggunakan senarai semak untuk melihat keberkesanan penguasaan bacaan al-quran pelajar. Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan melalui tiga fasa iaitu pembahagian dari minggu 1 hingga 10 perkuliahan, didapati pelajar menunjukkan peningkatan dalam penguasaan bacaan pada fasa 3 dan merasakan pembacaan al-Quran menerusi tahsin juga dapat mempertingkatkan minat mereka dalam membaca al-Quran setiap hari. Melalui pelaksanaan kajian ini, adalah diharapkan dapat meningkatkan tahap penguasaan bacaan al-quran bagi melahirkan generasi yang berpegang teguh dan mengamalkan prinsip-prinsip di dalam al-Quran.

Kata kunci: Bacaan, al-Quran, tahsin

Abstract

The Qur'an is a source of guidance for Muslims. Believing in the Qur'an is part of the pillars of faith. A correct understanding of the essence of the Qur'an is an important matter that needs to be emphasized. Therefore, the implementation of this study aims to look at the mastery of Quran recitation of students in polytechnics. The foot sample consisted of 13 Semester 2 students who took the Science Technology and Engineering in Islam (MPU23052) course at Politeknik Kuching Sarawak. This action research involves observation methods and checklists to see the effectiveness of students' al-Quran recitation mastery. The observation was done through three phases: the division from week 1 to 10 of the lecture. It was found that students showed an increase in reading proficiency in phase 3 and felt that reading the Quran through Tahsin can also increase their interest in reading the Quran every day. Hopefully, this research can increase the understanding of al-Quran to produce a generation that firmly believes and practice with al-Quran.

Keywords: Reading, al-Quran, tahsin

Received: June 22, 2021; **Accepted:** September 02, 2021; **Published:** September 08, 2021

© 2021 PKS. All rights reserved.

* Corresponding author: norita.abdaziz@psmza.edu.my

PENGENALAN

Al-Quran didefinisikan sebagai kalam Allah yang diturunkan kepada baginda Nabi SAW melalui perantaraan malaikat jibril dalam bahasa Arab dan diturunkan secara mutawatir. al-Quran merupakan sebuah mukjizat agung yang dikurniakan kepada Nabi Muhammad SAW dan umatnya. Memelihara dan menjaga kemuliaan al-Quran merupakan kewajiban sebagai umat Islam. Antara cara dan kaedah bagi menjaga dan memuliakan al-Quran ialah dengan membacanya dengan tajwid dan mahkraj yang betul. Untuk membaca al-Quran dengan mahkraj dan tajwid yang betul hendaklah melalui proses menuntut ilmu dengan guru agama yang mursyid. Melalui pembacaan al-Quran berdasarkan kaedah dan tajwid yang betul dan tepat akan memberi kesan terhadap pemahaman dan penghayatan terhadap al-Quran.

Oleh demikian, impak membaca al-Quran dengan tajwid dan mahkraj yang betul memberi kesan yang besar dalam memahami dan menghayati intipati yang terkandung dalam al-Quran. Apa yang terkandung dalam al-Quran hendak sentiasa diamalkan dari semasa ke semasa agar menjadi pedoman hidup kita sepanjang zaman. Antara kaedah bagi menambahbaik dan memperbaiki kualiti bacaan al-Quran ialah melalui tahsin al-Quran. Menurut Kamus Dewan, tahsin membawa maksud memperelok dan memperindah bacaan al-Quran dari segala aspek seperti tajwid dan lagu. Kajian yang dilakukan berfokuskan pada penguasaan bacaan al-Quran menerusi tahsin al-Quran. Adalah diharapkan melalui pelaksanaan kajian dapat memperkasa bacaan al-Quran dikalangan pelajar ke tahap yang lebih baik.

REFLEKSI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN LEPAS

Kelemahan pelajar dalam pembacaan al-Quran meliputi aspek kemahiran lisan, kelancaran bacaan, kemahiran fasahah, tilawah bertajwid dan bacaan secara tadwir dan tartil dalam kalangan pelajar Islam berlaku sama ada pada peringkat sekolah rendah, menengah atau Institusi Pengajian Tinggi. Hal ini disokong oleh Mohd Faisal, Zawawi, dan Rahimi (2008) menjelaskan sehingga hari ini, didapati kebanyakan umat Islam di Malaysia pada peringkat umur dewasa mengenali huruf-huruf hijaiyah tetapi tidak mampu membaca al-Quran atau boleh membaca tetapi tidak lancar malah yang paling menyedihkan ada yang langsung tidak mengenali huruf atau diistilahkan 'buta al-Quran'.

Permasalahan berlaku dalam kalangan pelajar muslim Semester 2 yang mengambil kursus Sains Teknologi dan Kejuruteraan Dalam Islam yang tidak dapat membaca al-Quran dengan baik disebabkan tidak menguasai huruf-huruf hijaiyah dan membaca al-Quran menggunakan tulisan rumi. Juster memberi kesan terhadap sebutan bacaan al-Quran yang dibaca kurang tepat dan tidak sekata tanpa tajwid yang betul dan penguasaan huruf-huruf hijaiyah yang lemah. Berdasarkan penilaian yang dilaksanakan menggunakan borang pemarkahan amali solat menunjukkan bacaan pelajar berada pada tahap yang lemah. Keadaan ini membimbangkan dan kesannya boleh menyebabkan penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan pelajar berada pada tahap yang lemah.

FOKUS KAJIAN

Merujuk kepada penilaian yang telah dilaksanakan terhadap pelajar berkenaan pelaksanaan amali solat dalam sesi Disember 2020, penyelidik telah mendapati banyak pelajar yang gagal untuk membaca surah al-Fatihah dan al-Kahfi ayat 1-10 dengan betul dan baik. Di samping itu, hasil daripada pemerhatian dan perbincangan dengan pensyarah kursus Sains Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam (MPU23052), turut mendapati masalah yang sama berlaku iaitu kesalahan dalam sebutan mahkraj dengan betul. Kelemahan penguasaan membaca al-Quran merupakan permasalahan yang utama kerana al-Quran merupakan teras dalam agama. Individu yang gagal membaca al-Quran dengan baik akan menyebabkan berlaku salah faham dan sukar untuk beramal dengan ajaran agama yang sempurna. Justeru, penyelidik percaya bahawa melaksanakan kelas

bimbingan khusus dapat membantu meningkatkan kemahiran pelajar yang lemah dalam pembacaan al-Quran. Justifikasi ini selari dengan kajian Norhisham, Azmil, Wahyu Hidayat, Muhammad Akramin, dan Fatin Ardani (2019) menyatakan pelaksanaan Talaqqi Musyafahah (kaedah mempelajari bacaan al-Quran berdepan secara langsung di antara guru dengan pelajar) dapat meningkatkan penguasaan bacaan al-Quran pelajar.

OBJEKTIF KAJIAN

OBJEKTIF UMUM

Kajian yang dijalankan bertujuan untuk meningkatkan kemahiran penguasaan bacaan al-Quran.

OBJEKTIF KHUSUS

Secara khususnya, objektif kajian tindakan ini adalah untuk menentukan peningkatan kemahiran pelajar dalam pembacaan al-Quran.

KUMPULAN SASARAN

Kajian ini mensasarkan kepada 13 orang pelajar yang terdiri daripada 12 orang pelajar lelaki dan seorang pelajar perempuan daripada kursus Sains Teknologi dan Kejuruteraan dalam Islam (MPU23052). Pelajar yang dipilih terdiri daripada pelajar Semester yang mengikuti Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif).

METODOLOGI

Pelaksanaan kajian tindakan ini melibatkan pra-pelaksanaan iaitu tinjauan masalah dan pelaksanaan sebenar kajian yang dilaksanakan berdasarkan model Kemmis dan Mc Taggart, (1988).

TINJAUAN MASALAH

Dalam pelaksanaan kajian ini, tinjauan masalah dibuat berdasarkan pemerhatian berstruktur dan senarai semak.

Jadual 1. Kaedah pengumpulan data

Langkah / Masa	Cara Penilaian	Kumpulan Sasaran (Pelajar)	Tujuan
Langkah 1 Minggu 1	Senarai Semak	13 orang	Mengenal pasti kelemahan bacaan
Langkah 2 Fasa 1 Minggu 2-3	Pemerhatian	13 orang	Mengetahui kesalahan bacaan
Fasa 2 Minggu 4-7	Pemerhatian	13 orang	Teknik pengulangan bacaan
Fasa 3 Minggu 8-9	Pemerhatian	13 orang	Peningkatan bacaan
Langkah 3 Minggu 10	Senarai Semak	13 orang	Penguasaan pelajar semakin baik

PEMERHATIAN

Penyelidik telah melakukan pemerhatian terhadap penguasaan bacaan al-Quran semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Pemerhatian dilakukan dari minggu 1 hingga minggu 10. Sebelum kajian dijalankan, pelajar tidak dapat membaca ayat dalam

surah al-Kahfi dengan lancar kerana ada antara mereka yang tidak pernah membaca dan ada yang jarang-jarang membaca surah al-kahfi bermula ayat 1-10.

SENARAI SEMAK

Dalam kajian ini juga, penyelidik telah menyediakan senarai semak dan borang ini telah digunakan untuk menilai pembacaan 13 orang pelajar yang berada di dalam kuliah bermula dari minggu 1 proses pengajaran dan pembelajaran sehingga minggu 10. Senarai semak ini telah digunakan sebelum dan selepas intervensi bertujuan untuk mendapatkan penilaian terhadap pelajar berkaitan dengan kemahiran membaca al-Quran.

Jadual 2. Senarai semak

Item	Lemah	Sederhana	Baik
Kebolehan mengenal huruf hijaiyah			
Kebolehan menyebut huruf hijaiyah mengikut makhraj yang betul			
Kebolehan menyebut kalimah			
Kebolehan menyebut kalimah yang bersambung			
Keupayaan mengenal tanda bacaan yang terdapat dalam al-Quran			
Keupayaan membaca al-Quran dengan betul			
Pengetahuan berkaitan hukum tajwid			
Kebolehan membaca al-Quran mengikut hukum tajwid yang betul			
Pengetahuan lagu dan suara dalam pembacaan al-Quran			
Kebolehan membaca al-Quran dengan berlagu			

TINDAKAN INTERVENSI

Penguasaan bacaan al-Quran menggunakan teknik pengulangan. Teknik pengulangan yang digunakan untuk melancarkan bacaan pelajar dengan aplikasi al-Muqri. Al-Muqri merupakan aplikasi bacaan al-Quran secara pengulangan. Pelajar boleh mengulangi bacaan sebanyak mana yang mereka perlukan bagi melancarkan bacaan. Melalui pelaksanaan kajian, terdapat beberapa tindakan intervensi yang dilaksanakan. Antaranya ialah pemerhatian sebelum, semasa dan selepas melaksanakan intervensi.

SEBELUM INTERVENSI

Sebelum intervensi dilaksanakan, pelajar diminta untuk membaca surah al-Kahfi bermula ayat 1-10. Tujuan pembacaan dilakukan adalah untuk mengenal pasti kelemahan pelajar dan permasalahan yang wujud dalam penguasaan bacaan dengan menggunakan senarai semak. Jadual 3 telah menunjukkan bacaan pelajar sangat lemah dan terdapat banyak kesalahan dalam makhraj, tajwid, dan lagu melalui pelaksanaan aktiviti sebelum intervensi dilakukan.

Refleksi (Minggu 1): Hasil daripada penilaian sebelum intervensi, penyelidik mendapati terdapat banyak kesalahan dan kelemahan dari segi bacaan pelajar. Kesalahan pelajar adalah mencakupi aspek sebutan makhraj huruf. Ini kerana, terdapat pelajar yang tidak pernah membaca surah al-Kahfi, terdapat juga kesalahan dalam pembacaan surah al-Fatihah walaupun bacaan surah al-Fatihah merupakan bacaan rukun dalam solat dan wajib dibaca.

Jadual 3. Pelaksanaan aktiviti sebelum intervensi

Aktiviti/Masa	Langkah Pelaksanaan	Hasil Penilaian
Senarai semak (Minggu 1)	<p>Pensyarah menerangkan kepada pelajar untuk memulakan bacaan surah al-Fatihah dan al-Kahfi sebelum bermulanya kuliah pada setiap kali pertemuan secara atas talian.</p> <p>Pensyarah memulakan bacaan al-Fatihah dan al-Kahfi untuk menunjukkan kepada pelajar cara bacaan dengan sebutan makhraj, tajwid dan lagu yang betul.</p> <p>Pelajar akan membaca setelah selesai mendengar bacaan dari pensyarah dan pensyarah membuat penilaian berdasarkan bacaan pelajar berpandukan senarai semak yang disediakan.</p>	Bacaan pelajar sangat lemah dan terdapat banyak kesalahan dalam makhraj, tajwid dan lagu

SEMASA INTERVENSI

Semasa intervensi yang dilakukan oleh penyelidik adalah melibatkan 3 fasa, iaitu fasa 1 dari minggu 2-3, fasa 2 dari minggu 4-7 dan fasa 3 dari minggu 8-9. Pelajar menunjukkan peningkatan bacaan bermula minggu 5-9.

Fasa 1 (Minggu 2-3)

Fasa 1 dimulakan dengan membetulkan bacaan pelajar dengan menerangkan kepada pelajar tentang hukum tajwid dan memperbetulkan sebutan makhraj ketika bacaan diperdengarkan pada permulaan kuliah kerana masih banyak sebutan yang salah dan pelajar dimintak untuk mengulangi bacaan secara sendirian untuk mempertingkatkan penguasaan bacaan kepada lebih baik.

Jadual 4. Pelaksanaan aktiviti semasa intervensi

Aktiviti/Masa	Langkah Pelaksanaan	Hasil Penilaian
Fasa 1 (Minggu 2-3)	<p>Pensyarah dan pelajar membaca bacaan surah al-Fatihah dan al-Kahfi bersama-sama.</p> <p>Pensyarah memperbetulkan bacaan pelajar berkaitan sebutan makhraj, tajwid dan lagu yang betul.</p> <p>Pelajar diminta untuk mengulangi bacaan apabila ditegur kerana kesalahan bacaan pada ayat-ayat yang salah.</p>	Bacaan pelajar masih pada tahap yang lemah dan masih terdapat banyak kesalahan dalam makhraj, tajwid dan lagu yang salah.

Refleksi Fasa 1: Hasil penilaian yang dibuat berdasarkan bacaan pelajar pada minggu 2 dan 3 masih menunjukkan kelemahan dan terdapat kesalahan dalam penguasaan bacaan tetapi semakin baik berbanding pada minggu 1.

Fasa 2 (minggu 4-7)

Fasa 2 bagi penguasaan bacaan pada minggu 4-7, pelajar diperkenalkan dengan kaedah pengulangan melalui aplikasi al-Muqri. Pelajar akan mengulang dengar bacaan dari qari-qari yang dipilih dan mengulangi sebanyak mana yang mereka kehendaki sehingga dapat membaca dengan baik.

Refleksi Fasa 2: Ouput yang diperolehi daripada fasa yang kedua ialah, pelajar menunjukkan peningkatan dari sudut makhraj, tajwid dan lagu. Bacaan pelajar pada minggu 6 adalah menunjukkan peningkatan yang positif dan semakin baik.

Jadual 5. Pelaksanaan aktiviti semasa intervensi

Aktiviti/Masa	Langkah Pelaksanaan	Hasil Penilaian
Fasa 2 (Minggu 4-7)	<p>Pensyarah memperkenalkan kepada pelajar aplikasi al-Muqri sesama kuliah di jalan pada minggu 4.</p> <p>Pensyarah menunjukkan kepada pelajar secara atas talian kelebihan dan kebaikan menggunakan aplikasi ini dan meminta pelajar mengikuti bacaan qari yang dipilih.</p> <p>Pelajar diminta untuk mengulangi bacaan dirumah dengan menggunakan aplikasi al-Muqri.</p> <p>Pelajarmemperdengarkan bacaan pada kuliah minggu 5 dan 6.</p>	<p>Pelajar menunjukkan peningkatan dari sudut makhraj, tajwid dan lagu. Bacaan pelajar pada minggu 6 semakin baik</p>

Hasil penilaian yang dilakukan pada Fasa 2 ini, pembacaan pelajar pada minggu 4-7 menunjukkan peningkatan dari sudut sebutan huruf, tajwid dan lagu. Pelajar memberitahu teknik pengulangan yang diperkenalkan banyak membantu mereka dalam memperbetulkan bacaan. Bukan sahaja pada surah al-Fatihah dan al-Kahfi, tetapi dapat membantu mereka dalam memperbetulkan bacaan surah lain yang dibacakan dalam solat. Pelajar juga menggunakan teknik pengulangan ini untuk membantu mereka dalam mempertingkatkan bacaan al-Quran seharian dan mula membaca al-Quran setiap hari walaupun tiga surah sehari.

Fasa 3 (minggu 8-9)

Fasa 3 merupakan fasa terakhir semasa intervensi dijalankan dan pelajar telah menunjukkan penguasaan bacaan yang sangat baik tanpa sebarang kesalahan dalam pembacaan surah al-Fatihah dan al-Kahfi ayat 1-10. Pelajar juga dapat membaca bersama-sama dengan mengalunkan lagu pada bacaan yang diperdengarkan.

Jadual 6. Pelaksanaan aktiviti semasa intervensi

Aktiviti/Masa	Langkah Pelaksanaan	Hasil Penilaian
Fasa 3 (Minggu 8-9)	<p>Pelajar memperdengarkan bacaan surah al-Fatihah dan al-Kahfi bersama-sama pensyarah.</p>	<p>Bacaan pelajar sangat baik dan menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan.</p>

Hasil penilaian yang dilakukan mendapati, pelajar menunjukkan kelancaran dalam pembacaan dan sangat yakin dalam mengalunkan bacaan ayat yang dibaca.

Refleksi Fasa 3: Melalui pemerhatian dan bacaan yang diperdengarkan oleh pelajar menunjukkan peningkatan bacaan pelajar adalah berada di tahap yang sangat baik dan menunjukkan hasil yang memberangsangkan.

SELEPAS INTERVENSI

Berdasarkan pemerhatian yang dijalankan dengan menggunakan senarai semak, 2 orang pensyarah lain telah dijemput untuk mendengar bacaan pelajar selepas intervensi pada minggu 10.

Jadual 7. Pelaksanaan aktiviti selepas intervensi

Aktiviti/Masa	Langkah Pelaksanaan	Hasil Penilaian
Senarai Semak (Minggu 10)	Dua orang Pensyarah dipilih bagi mendengar bacaan pelajar secara atas talian. Pelajar memperdengarkan bacaan surah al-Fatihah dan al-Kahfi.	Bacaan pelajar sangat baik dan terdapat banyak peningkatan dalam makhraj, tajwid dan lagu.

Hasil daripada penilaian selepas intervensi, dua orang pensyarah yang menilai bacaan pelajar mendapati bacaan pelajar sangat baik dan dari pemerhatian penyelidik, terdapat banyak peningkatan dalam sebutan huruf, tajwid dan lagu berdasarkan senarai semak yang disediakan.

DAPATAN KAJIAN

Kajian dilaksanakan melalui kaedah pemerhatian dan senarai semak terhadap 13 orang pelajar melalui pembacaan surah al-fatihah dan 10 ayat pertama surah al-Kahfi selama 10 minggu dan dibahagikan kepada tiga fasa. Secara keseluruhannya, dapatan kajian mendapati bahawa terdapat peningkatan penguasaan bacaan pelajar dari aspek makhraj, tajwid dan lagu. Secara terperinci, pemerhatian dilaksanakan melalui 3 fasa bermula pada minggu yang pertama hingga kesepuluh.

Pada fasa yang pertama, melalui pembacaan yang ditunjukkan oleh pelajar menunjukkan tahap pembacaan pelajar berada pada tahap yang lemah. Pensyarah menggunakan pendekatan teguran secara langsung bagi membaiki bacaan pelajar. Namun, pada fasa yang kedua, pensyarah telah menggunakan pendekatan perisian al-Muqri untuk melatih dan menambahbaik bacaan al-Quran pelajar. Melalui pendekatan yang digunakan, pelajar menunjukkan peningkatan bacaan dari aspek makhraj, tajwid, dan lagu. Sebagai contoh, pada sebelumnya pelajar tidak dapat membaca al-quran dengan lancar, namun begitu selepas pendekatan diambil, kelancaran bacaan pelajar adalah menunjukkan peningkatan yang baik.

Seterusnya, dapatan kajian yang diperoleh dalam fasa yang ke-3 menunjukkan penguasaan bacaan pelajar sangat baik dari aspek makhraj, tajwid dan lagu. Peningkatan yang ditunjukkan melalui penilaian pensyarah penilai adalah sangat memberangsangkan. Oleh demikian, penguasaan bacaan al-Quran menerusi tahsin al-Quran menunjukkan peningkatan dan pencapaian yang sangat baik.

CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA DAN KESIMPULAN

Adalah dicadangkan kajian berkenaan penambahbaikan terhadap pendekatan terhadap penguasaan bacaan al-quran dapat dilaksanakan pada masa akan datang. Kajian dapat dikembangkan lagi dengan memasukkan beberapa pendekatan yang lain bagi menambahbaik bacaan al-quran. Berdasarkan kajian tindakan yang dilaksanakan ini, dapat disimpulkan penguasaan bacaan al-Quran dapat ditingkatkan dengan pendekatan teknik pengulangan dan memberitahu pelajar tentang kesalahan dari segi bacaan untuk ditambahbaik dan ditingkatkan. Melalui kaedah yang digunakan, bukan sahaja dapat meningkatkan bacaan pelajar, tetapi dapat menarik minat pelajar untuk sentiasa membaca al-Quran kerana dapat membantu mereka membaca dengan lancar selain dapat menyempurnakan makhraj, tajwid dan lagu dalam bacaan.

RUJUKAN

- Hasliza Hassan. (2019, May). Membaca Al-Quran Ikut Cara Nabi SAW. Retrieved from <https://www.hmetro.com.my/addin/2019/05/452911/ganjaran-baca-dengar-al-quran>.
- Irsyad al-fatwa. (2020, April). *Irsyad al-fatwa Siri Ke-482: Hukum membaca al-quran dengan bertajwid*. Retrieved from <https://muftiwp.gov.my/artikel/irsyad-fatwa/irsyad-fatwa-umum/4409-irsyad-al-fatwa-siri-ke-482-hukum-membaca-al-quran-dengan-bertajwid>
- Mohd Faisal Mohamed, Zawawi Ismail & Rahimi Md Saad (2008), Celik al-Quran: Cabaran dan realiti dalam Pendidikan Islam di sekolah. *Masalah Pendidikan, 31(1)*, 241-253.
- Muhammad Zulaziz, Muhammad Amirul, Mohd Rashidi & Norhisham. (2021). Pembacaan Al-Quran dalam Pendidikan Masa Kini: Satu Tinjauan Umum. *Al-turath, 6(1)*, 43-65.
- Norhisham Muhamad, Azmil Hashim, Wahyu Hidayat Abdullah, Muhammad Akramin Kamarul Zaman & Fatin Ardani Zamri. (2019), Kaedah talaqqi musyafahah dalam pengajaran al-Quran wa al-Hifz kurikulum dini sabk di Perak. *International Journal of Education, Psychology and Counseling, 4(32)*, 273-283.
- Sri Astuti & Heliati Fajriah. (2017). Peningkatan kemampuan tahsin al-Qur'an pada mahasiswa Pai Uin ar-raniry:. *Al-Ishlah: Jurnal Pendidikan Islam, 15(2)*, 212-228. <https://doi.org/10.35905/alishlah.v15i2.568>